

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6848

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik penagihan dadah dari tahun 2010 hingga 2013 serta apakah langkah Kementerian untuk membanteras masalah penagihan dadah hingga ke akar umbi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2010 hingga Disember 2013 di Malaysia adalah seramai 51,715 orang iaitu 34,232 orang adalah penagih baru dan selebihnya 17,483 adalah penagih berulang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan tiga (3) pendekatan iaitu Pendekatan Pencegahan, Pendekatan Rawatan Perubatan dan Pemulihan serta Pendekatan Pengesanan dan Pengawasan dalam usaha untuk membanteras penagihan dadah sehingga ke akar umbi

Di bawah program pencegahan, beberapa usaha telah dilaksanakan dengan mengadakan program yang memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat dengan memberi fokus kepada keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Gelombang kesukarelaan juga digerakkan dalam masyarakat bagi memastikan seluruh masyarakat sedar dan bertindak untuk membanteras penyalahgunaan dadah.

Dalam pendekatan Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, AADK telah memperkenalkan dua (2) program iaitu Program Rawatan Dan Pemulihan Dalam Institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di Klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) serta Program Rawatan Dan

Pemulihan Dalam Komuniti melalui *Cure & Care Service Centre* (CCSC) dan *Caring Community House* (CCH).

Pendekatan seterusnya adalah pengesanan dan pengawasan di mana penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK akan dikesan melalui operasi dan aduan awam. Selain daripada itu, pemantauan ke atas Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua (2) hingga tiga (3) tahun dan pengesanan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui prosedur siasatan dan pendakwaan.

Pendekatan-pendekatan ini menjadi langkah Kementerian dalam memastikan masalah penagihan dadah dapat dibanteras.